

HSBC's UniversalLegacy

Sebuah Pelan Insurans Hayat

Memelihara kekayaan
anda dan wariskan
legasi anda



HSBC

Opening up a world of opportunity

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz Life Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Meninggalkan harta pusaka untuk generasi masa depan

Anda telah mengambil seumur hidup untuk membina kekayaan anda sehingga ke tahap sekarang. Dengan perancangan warisan yang awal dan betul, anda boleh kekal yakin bahawa keluarga anda akan terus dilindungi dengan baik walaupun dalam keadaan tidak terduga. Selain itu, anda juga dapat mengurangkan ketidakpastian dan mengagihkan aset anda mengikut kehendak anda dengan merancang lebih awal.

HSBC's UniversalLegacy direka untuk memberikan lebih untuk legasi anda tanpa menjejaskan gaya hidup persaraan anda. Pelan insurans ini juga boleh membantu anda meningkatkan aset anda melalui pembayaran terjamin dengan potensi untuk perolehan lebih banyak¹. Anda kini boleh mendaftar untuk HSBC's UniversalLegacy, berdasarkan tempoh bayaran yang sepadan dengan keperluan kewangan anda.

Manfaat memiliki HSBC's UniversalLegacy



Memelihara Nilai Aset Anda, sehingga 3.0x² daripada Jumlah Premium Dibayar

Pembayaran manfaat adalah terjamin apabila polisi matang pada usia 100 tahun atau apabila orang yang diinsuranskan meninggal dunia (sebelum usia 100 tahun).



Mempelbagaikan & Mengembangkan Aset Anda

Mempelbagaikan portfolio kewangan anda untuk mengagihkan potensi risiko pelaburan. Anda atau benefisiari anda mungkin berpotensi mendapat keuntungan pelaburan berdasarkan prestasi sebenar dana pelaburan.




Penyamaan Harta Pusaka

Memberikan kecairan yang mencukupi untuk memudahkan pengagihan harta pusaka yang adil kepada benefisiari-benefisiari anda. Memastikan pengagihan kekayaan anda mengikut kehendak anda.



Pengagihan HSBC's UniversalLegacy yang Mudah

Wariskan sebahagian daripada kekayaan anda kepada benefisiari yang dicalonkan oleh anda tanpa perlu melalui proses pengagihan harta pusaka.



Tempoh Bayaran Premium Fleksibel Mengikut Keadaan Kewangan Anda

Pilih tempoh pembayaran (premium tunggal atau tempoh premium berkala 3 tahun) yang sepadan dengan keperluan kewangan anda dan tanpa membebankan poket anda.


Nota:

¹ Pembayaran yang terjamin dan potensi keuntungan pelaburan akan dibayar atas kematian Orang yang Diinsuranskan atau semasa polisi matang oleh Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (ALIM). Potensi keuntungan pelaburan adalah tidak terjamin dan mungkin berubah mengikut prestasi pelaburan sebenar Dana Universal Life Allianz II.

² Berdasarkan umur kemasukan dari 21 hingga 35 tahun. Amaun diinsuranskan yang terjamin mungkin berbeza berdasarkan umur kemasukan.

KES KAJIAN 1: MEMAHAMI PROSES PENGAGIHAN HARTA PUSAKA DI MALAYSIA

Proses Pengagihan Harta Pusaka di Malaysia



Harta Pusaka **DIBEKUKAN**

Orang yang tersayang mungkin:

- Menghadapi tekanan emosi & kewangan
- Tidak dapat mengekalkan taraf hidup yang sama



Pentadbiran **HARTA PUSAKA**

Dengan Wasiat

- **3 – 12 bulan** untuk mendapatkan Geran Probet
- Menanggung kos dan perbelanjaan serta yuran guaman untuk permohonan Geran Probet

Tanpa Wasiat

- **3 bulan – 5 tahun** untuk mendapatkan Surat Kuasa Mentadbir
- Menanggung kos dan perbelanjaan serta yuran guaman untuk permohonan Surat Kuasa Mentadbir



Bayaran kepada **PEMIUTANG**

- Sebarang hutang harta pusaka mesti diselesaikan sebelum pengagihan baki aset yang tinggal kepada benefisiari
- Harta pusaka yang tinggal kepada benefisiari anda mungkin berkurangan secara ketara



Pengagihan kepada **BENEFISIARI ANDA**

- Waris anda akan menerima baki harta pusaka selepas bayaran kepada pemiutang, yuran probet, yuran guaman, dan sebagainya
- Jumlahnya adalah **kurang daripada harta pusaka asal anda**

Untuk mengelakkan kesulitan yang tidak diperlukan dan memastikan kekayaan anda diagihkan mengikut kehendak anda, adalah bijak untuk merancang pemindahan kekayaan yang betul untuk memberi keluarga anda kawalan ke atas wang yang telah dikumpulkan dengan titik peluh anda.


HSBC's UniversalLegacy membolehkan benefisiari yang dicalonkan oleh anda untuk menerima pembayaran insurans dan meneruskan gaya hidup mereka semasa menunggu aset harta pusaka ditadbirkan dan diagihkan.

KES KAJIAN 2: PELUANG UNTUK MEMELIHARA & MENGEMBANGKAN KEKAYAAN ANDA

Encik Sam, berumur 45 tahun, sangat gembira apabila beliau menyedari bahawa HSBC's UniversalLegacy RP memberikannya pulangan yang terjamin, dengan potensi untuk mengembangkan kekayaannya. Semasa beliau membeli HSBC's UniversalLegacy RP dengan jumlah premium yang perlu dibayar sebanyak RM300,000, beliau tahu bahawa beliau mungkin berpotensi untuk menerima sehingga 5.8 kali ganda jumlah premium yang dibayarnya (dalam senario tinggi).

Jika dana pelaburan tidak menghasilkan pulangan (dalam senario rendah), beliau tahu bahawa beliau atau orang tersayangnya masih akan menerima bayaran sekurang-kurangnya RM675,000, iaitu 2.25 kali ganda jumlah premium yang dibayarnya.

<p>HSBC's UniversalLegacy RP</p> <ul style="list-style-type: none"> • Umur: 45 • Status: Bukan perokok • Premium Berkala: RM100,000 • Tempoh Pembayaran: 3 tahun 	<p>Potensi untuk meningkat hingga 5.8x daripada jumlah premium yang dibayar untuk HSBC's UniversalLegacy RP</p>	<p>Pembayaran yang terjamin berdasarkan umur 45 tahun</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Umur Kemasukan</th> <th>Sebagai % daripada Jumlah Premium untuk 3 tahun</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>45</td> <td>225%</td> </tr> </tbody> </table>	Umur Kemasukan	Sebagai % daripada Jumlah Premium untuk 3 tahun	45	225%
Umur Kemasukan	Sebagai % daripada Jumlah Premium untuk 3 tahun					
45	225%					



RINGKASAN PRODUK

	HSBC's UniversalLegacy SP	HSBC's UniversalLegacy RP																																						
Umur Kemasukan Orang yang Diinsuranskan	21 tahun – 75 tahun	21 tahun – 70 tahun																																						
Tempoh Perlindungan	Hingga umur 100 tahun																																							
Tempoh Pembayaran Premium	Premium Tunggal	Tempoh Premium Berkala 3 Tahun																																						
Premium Tahunan Minimum	RM250,000	RM50,000 setahun																																						
Premium Tahunan Maksimum	Tertakluk kepada keputusan pengunderaitan																																							
Amaun Diinsuranskan	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Umur Kemasukan</th> <th>% daripada Premium Tunggal</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td>21 – 35</td><td>300%</td></tr> <tr><td>36 – 40</td><td>250%</td></tr> <tr><td>41 – 45</td><td>225%</td></tr> <tr><td>46 – 50</td><td>200%</td></tr> <tr><td>51 – 55</td><td>180%</td></tr> <tr><td>56 – 60</td><td>160%</td></tr> <tr><td>61 – 65</td><td>150%</td></tr> <tr><td>66 – 70</td><td>125%</td></tr> <tr><td>71 – 75</td><td>115%</td></tr> </tbody> </table>	Umur Kemasukan	% daripada Premium Tunggal	21 – 35	300%	36 – 40	250%	41 – 45	225%	46 – 50	200%	51 – 55	180%	56 – 60	160%	61 – 65	150%	66 – 70	125%	71 – 75	115%	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Umur Kemasukan</th> <th>% daripada Jumlah Premium untuk 3 tahun</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td>21 – 35</td><td>300%</td></tr> <tr><td>36 – 40</td><td>250%</td></tr> <tr><td>41 – 45</td><td>225%</td></tr> <tr><td>46 – 50</td><td>200%</td></tr> <tr><td>51 – 55</td><td>180%</td></tr> <tr><td>56 – 60</td><td>160%</td></tr> <tr><td>61 – 65</td><td>150%</td></tr> <tr><td>66 – 70</td><td>125%</td></tr> </tbody> </table>	Umur Kemasukan	% daripada Jumlah Premium untuk 3 tahun	21 – 35	300%	36 – 40	250%	41 – 45	225%	46 – 50	200%	51 – 55	180%	56 – 60	160%	61 – 65	150%	66 – 70	125%
	Umur Kemasukan	% daripada Premium Tunggal																																						
	21 – 35	300%																																						
	36 – 40	250%																																						
	41 – 45	225%																																						
	46 – 50	200%																																						
	51 – 55	180%																																						
	56 – 60	160%																																						
	61 – 65	150%																																						
	66 – 70	125%																																						
71 – 75	115%																																							
Umur Kemasukan	% daripada Jumlah Premium untuk 3 tahun																																							
21 – 35	300%																																							
36 – 40	250%																																							
41 – 45	225%																																							
46 – 50	200%																																							
51 – 55	180%																																							
56 – 60	160%																																							
61 – 65	150%																																							
66 – 70	125%																																							
Manfaat Kematian	Lebih Tinggi antara 1) Nilai Akaun; atau 2) Amaun Diinsuranskan																																							
Manfaat Kematangan	Lebih Tinggi antara 1) Nilai Akaun; atau 2) Amaun Diinsuranskan																																							
Jaminan Tidak Luput	<p>Jaminan Tidak Luput Polisi insurans ini tidak akan luput jika Nilai Akaun tidak mencukupi untuk membayar Kos Insurans apabila ia perlu dibayar</p>	<p>Jaminan Tidak Luput Bersyarat Polisi insurans ini tidak akan luput walaupun Nilai Akaun tidak mencukupi untuk membayar Kos Insurans dan Yuran Polisi apabila ia perlu dibayar, jika semua Premium yang sepatutnya dibayar dan faedah yang dikenakan ke atas pembayaran lewat Premium (jika ada) telah dibayar sehingga tarikh terkini</p>																																						
Bonus Kesetiaan	Tidak Berkenaan	0.5% daripada Nilai Akaun akan dikreditkan ke dalam polisi setiap tahun bermula dari Tahun Polisi ke-21 hingga kematangan																																						
Caj Premium	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Tahun Polisi</th> <th>Caj Premium (Sebagai % daripada Premium yang telah Dibayar)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td>1</td><td>6.00%</td></tr> <tr><td>2 & ke atas</td><td>Tiada</td></tr> </tbody> </table>	Tahun Polisi	Caj Premium (Sebagai % daripada Premium yang telah Dibayar)	1	6.00%	2 & ke atas	Tiada	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Tahun Polisi</th> <th>Caj Premium (Sebagai % daripada Premium yang telah Dibayar)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td>1</td><td>14.50%</td></tr> <tr><td>2</td><td>8.00%</td></tr> <tr><td>3</td><td>4.75%</td></tr> <tr><td>4 & ke atas</td><td>Tiada</td></tr> </tbody> </table>	Tahun Polisi	Caj Premium (Sebagai % daripada Premium yang telah Dibayar)	1	14.50%	2	8.00%	3	4.75%	4 & ke atas	Tiada																						
	Tahun Polisi	Caj Premium (Sebagai % daripada Premium yang telah Dibayar)																																						
	1	6.00%																																						
2 & ke atas	Tiada																																							
Tahun Polisi	Caj Premium (Sebagai % daripada Premium yang telah Dibayar)																																							
1	14.50%																																							
2	8.00%																																							
3	4.75%																																							
4 & ke atas	Tiada																																							
<table border="1"> <thead> <tr> <th>Tahun Polisi</th> <th>Caj Serahan (Sebagai % daripada Nilai Akaun)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td>1</td><td>2.00%</td></tr> <tr><td>2</td><td>1.50%</td></tr> <tr><td>3</td><td>1.00%</td></tr> <tr><td>4 – 14</td><td>0.5%</td></tr> <tr><td>15 & ke atas</td><td>Tiada</td></tr> </tbody> </table>	Tahun Polisi	Caj Serahan (Sebagai % daripada Nilai Akaun)	1	2.00%	2	1.50%	3	1.00%	4 – 14	0.5%	15 & ke atas	Tiada	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Tahun Polisi</th> <th>Caj Serahan (Sebagai % daripada Nilai Akaun)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td>1</td><td>5.00%</td></tr> <tr><td>2</td><td>2.00%</td></tr> <tr><td>3 & ke atas</td><td>Tiada</td></tr> </tbody> </table>	Tahun Polisi	Caj Serahan (Sebagai % daripada Nilai Akaun)	1	5.00%	2	2.00%	3 & ke atas	Tiada																			
Tahun Polisi	Caj Serahan (Sebagai % daripada Nilai Akaun)																																							
1	2.00%																																							
2	1.50%																																							
3	1.00%																																							
4 – 14	0.5%																																							
15 & ke atas	Tiada																																							
Tahun Polisi	Caj Serahan (Sebagai % daripada Nilai Akaun)																																							
1	5.00%																																							
2	2.00%																																							
3 & ke atas	Tiada																																							
Caj Pengurusan Dana	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Pulangan Pelaburan Kasar (sebulan) sebelum cukai</th> <th>Caj Pengurusan Dana (sebulan) – sebagai % daripada Nilai Akaun</th> <th>Caj Pengurusan Dana Semasa (setahun) – sebagai % daripada Nilai Akaun</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td>< 0.416%</td><td>0.0667%</td><td>0.80%</td></tr> <tr><td>≥ 0.416%</td><td>0.0958%</td><td>1.15%</td></tr> </tbody> </table> <p>Caj Pengurusan Dana maksimum adalah 0.125% sebulan atau 1.50% setahun.</p>	Pulangan Pelaburan Kasar (sebulan) sebelum cukai	Caj Pengurusan Dana (sebulan) – sebagai % daripada Nilai Akaun	Caj Pengurusan Dana Semasa (setahun) – sebagai % daripada Nilai Akaun	< 0.416%	0.0667%	0.80%	≥ 0.416%	0.0958%	1.15%																														
Pulangan Pelaburan Kasar (sebulan) sebelum cukai	Caj Pengurusan Dana (sebulan) – sebagai % daripada Nilai Akaun	Caj Pengurusan Dana Semasa (setahun) – sebagai % daripada Nilai Akaun																																						
< 0.416%	0.0667%	0.80%																																						
≥ 0.416%	0.0958%	1.15%																																						
Yuran Polisi	Tidak Berkaitan	RM8.00 sebulan																																						

Nota Penting

1. Risalah ini adalah bagi tujuan ilustrasi sahaja dan maklumat yang terkandung adalah tidak komprehensif atau menyeluruh. Anda perlu merujuk kepada Lembaran Pendedahan Produk (PDS) dan Ilustrasi Jualan (SI) untuk maklumat lanjut.
2. Manfaat-manfaat adalah tertakluk kepada pengecualian. Sila rujuk kepada PDS dan kontrak polisi untuk senarai pengecualian yang lengkap.
3. ALIM mempunyai hak untuk menyemak semula kadar, caj, yuran, serta terma dan syarat polisi. Anda akan dimaklumkan secara bertulis mengenai apa-apa pindaan yang berkaitan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum pindaan tersebut berkuat kuasa.
4. Anda harus memastikan bahawa pelan ini adalah sesuai untuk anda, dan premium yang perlu dibayar di bawah pelan ini adalah berdasarkan kemampuan anda. Pembelian insurans hayat adalah komitmen jangka panjang dan tidak dinasihati untuk menyerahkan polisi anda dalam tahun-tahun awal memandangkan kos permulaan yang tinggi.
5. Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan permintaan bertulis kepada ALIM dan dengan mengembalikan polisi tersebut kepada ALIM dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penerimaan polisi oleh anda. ALIM akan mengembalikan kepada anda Nilai Akaun, Caj Premium dan Kos Insurans tolak sebarang perbelanjaan kesihatan yang ditanggung oleh ALIM. Bagi HSBC's UniversalLegacy RP, ALIM juga akan memulangkan kepada anda yuran polisi yang dikenakan.
6. Anda diberi tempoh penangguhan selama tiga puluh satu (31) hari untuk membayar premium anda, semasa tempoh ini polisi akan kekal berkuat kuasa. Walau bagaimanapun, polisi akan luput pada akhir tempoh penangguhan jika mana-mana caj polisi masih belum dibayar pada akhir tempoh penangguhan. Oleh itu, adalah dinasihatkan untuk membayar premium polisi anda tepat pada masanya. Syarat ini hanya terpakai untuk HSBC's UniversalLegacy RP.
7. Sila tambah kadar cukai kerajaan yang berkenaan jika Pemegang Polisi adalah pertubuhan perniagaan atau apabila Polisi diserahkan hak mutlak kepada pertubuhan perniagaan. Cukai kerajaan yang berkenaan akan berdasarkan kadar semasa dan tertakluk kepada perubahan mengikut undang-undang Malaysia.
8. Premium yang anda bayar menyumbang kepada kedua-dua elemen produk simpanan dan perlindungan produk, contohnya manfaat kematian. Jika anda sedang mencari produk kewangan dengan elemen simpanan, anda mungkin ingin membandingkan pulangan tahunan polisi ini dengan pulangan pulangan efektif pelaburan alternatif lain.

Nota: Ini adalah produk insurans yang dikaitkan dengan prestasi aset-aset asas dan bukan produk pelaburan tulen seperti unit amanah.

Diunderait oleh:

Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (198301008983)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Ahli PIDM